



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 05/2024



SEDEKAH MEMBAWA RAHMAT

31 Mei 2024 | 22 Zulkaedah 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.
وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

آمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Menjadi hikmah yang sangat besar bahawa Allah Subhanahu wa-Ta'ala menjadikan manusia hidup di atas muka bumi dengan berbagai ragam dan keadaan.



Ada yang kaya, ada yang miskin. Ada yang senang, ada yang susah. Ada yang dapat hidup dengan mewah dan selesa. Ada yang hidup melarat, mencari sesuap nasi bagaikan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Rezeki dan nasib manusia tidak sama. Ada yang sangat mudah mendapat rezeki walaupun dengan usaha yang sedikit. Namun ada yang terpaksa bekerja keras siang dan malam untuk menanggung anak dan isteri.

Sengaja Allah Subhanahu wa-Ta’ala aturkan kehidupan manusia yang pelbagai ini untuk manusia saling berhubungan, bermuamalah dan tolong menolong sesama manusia. Yang miskin menghormati dan bekerja dengan si kaya. Yang kaya pula bersimpati dan bersedekah kepada si miskin. Alangkah indah kehidupan ini jika manusia hidup saling memahami dan tolong menolong sesama mereka.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Sesungguhnya amalan bersedekah sangat mulia di sisi Islam. Di dalam Al Quran, Allah Subhanahu wa-Ta’ala menyebut bahawa dalam harta orang-orang kaya terdapat hak orang-orang miskin.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Az Zariyat ayat 19:

وَفِي أُمُوْلِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومُونَ^{١٩}

Yang bermaksud: “Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Amalan bersedekah boleh menyuburkan harta dan bukan mengurangkannya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menjanjikan bahawa sedekah tidak akan



mengurangkan harta dan tidak akan menjadi punca seseorang itu menjadi miskin. Sabda Baginda dalam hadis riwayat Imam Muslim:

مَا نَقْصَبْتُ صَدَقَةً مِنْ مَالٍ، وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بَعْفُوٰ إِلَّا عِزًّا، وَمَا تَواضَعَ

أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ.

Yang bermaksud: “Tiadalah amalan sedekah itu mengurangkan harta. Tiadalah yang ditambah Allah kepada pemaaf itu melainkan kemuliaan. Dan tiadalah balasan kepada orang yang tawadhu’ (merendah diri) itu melainkan Allah akan mengangkat darjatnya.”

Sahabat Baginda yang paling banyak bersedekah ialah Saidina Abu Bakar Radhiallahu Anhu. Adakalanya beliau sedekahkan separuh hartanya. Ada masa beliau sedekahkan semua hartanya. Namun sejarah mencatatkan Saidina Abu Bakar Radhiallahu Anhu tidak pernah jatuh miskin disebabkan perbuatannya yang suka bersedekah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Amalan bersedekah yang terbaik dan paling banyak ganjaran pahalanya ialah infaq fi sabillillah. Iaitu bersedekah untuk usaha perjuangan menegakkan agama Islam dan mendaulatkan syariat Allah Subhanahu wa-Ta’ala. Sehubungan itu, marilah kita memperkasakan institusi agama Islam di negeri Pahang yang kita cintai ini dengan amalan bersedekah seperti zakat, wakaf dan hibah. Yakinlah dengan janji Allah Subhanahu wa Taala sepertimana firman-Nya dalam surah Al Baqarah ayat 261:



مَثَلُ الدِّينِ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَبَابِلَ فِي كُلِّ

سُبْلَةٍ مِائَةً حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيهِ

Yang bermaksud: “Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Bersedekah boleh menghapuskan dosa, menyembuhkan penyakit, menolak bencana, mendapat doa dari malaikat dan dijemput masuk ke syurga melalui pintu yang khusus.

Perlu diingat, amalan bersedekah hendaklah disertakan dengan niat yang ikhlas bukan kerana riyak dan menunjuk-nunjuk. Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menyatakan dalam sebuah hadis yang masyhur bahawa antara mereka yang akan mendapat naungan Allah pada hari himpunan di Padang Mahsyar yang sangat panas itu ialah orang yang bersedekah dengan penuh keikhlasan, tidak menunjuk-nunjuk seolah-olah bersedekah dengan tangan kanan, tetapi tangan kiri tidak mengetahuinya.

Marilah kita bersama-sama menyuburkan amalan bersedekah dengan penuh keikhlasan. Pastinya hidup kita akan bertambah berkat. Dan pastinya Allah Subhanahu wa Taala Subhanahu wa-Ta’ala akan memberikan ganjaran berlipat kali ganda dengan kadar yang tidak terfikir oleh kita.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ

وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالدِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلٌ

هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.